

**Negara ada hubungan ekonomi dengan China terjejas jika kelembapan pertumbuhan terus berlaku - Moody's**  
**Astro Awani**  
**18 Januari 2023**  
**Dagang News**

KUALA LUMPUR: Moody's Investor Service menjangkakan ekonomi yang mempunyai hubungan dengan China akan terjejas teruk sekiranya kelembapan pertumbuhan terus melanda ekonomi kedua terbesar dunia itu.

Firma itu berkata, ekonomi China akan mengukuh pada 2023 dan 2024, dengan kenaikan kitaran berkemungkinan lebih baik daripada jangkaan firma itu tahun lepas kerana kelonggaran dasar COVID-19.

Penolong Naib Presiden dan Penganalisis Moody's, Deborah Tan berkata, dalam jangka sederhana dan panjang, kadar pertumbuhan China mungkin akan berkurangan disebabkan oleh faktor struktur seperti populasi negara yang semakin tua dan produktiviti yang semakin menurun.

"Kemelesetan yang berpanjangan di China akan bergema ke pasaran baru muncul lain di luar Asia Pasifik melalui pelbagai saluran penghantaran.

"Khususnya, ekonomi yang mempunyai pendedahan perdagangan yang ketara kepada permintaan komoditi China akan menanggung beban yang teruk," katanya.

Penurunan dalam aktiviti perindustrian China, terutamanya dalam pembinaan akan memberi kesan negatif kepada pengeksport logam asas seperti Chile, Brazil dan Peru.

Sebaliknya, Moody's berkata, Uruguay dan Ecuador, yang eksport utamanya ialah daging dan makanan laut akan mempunyai sedikit penampakan kerana pendapatan per-kapita yang masih meningkat di China dan perubahan keutamaan pengguna negara itu terhadap protein.

Deborah berkata, bahawa pasaran baharu mempunyai kesukaran berikutan pinjaman besar dari China dan kapasiti pembayaran balik yang lemah selepas wabak itu.

China komited terhadap pelaburan Inisiatif Belt and Road di Amerika Latin dan Afrika tetapi sesetengah ekonomi menghadapi pelbagai risiko yang berkaitan dengan pendedahan ini.

Angola, Congo dan Zambia adalah antara yang paling banyak berhutang kepada China, berdasarkan anggaran 2019.

"Jika kelembapan di China berterusan, kapasiti pinjaman pembiayaan China akan menjadi lebih selektif, meningkatkan risiko pembiayaan semula untuk peminjam yang banyak berhutang.

"Pengurangan dalam sokongan pinjaman daripada China akan menanggukkan kemajuan dalam infrastruktur yang meningkatkan pertumbuhan dan meningkatkan risiko sosial dalam jangka sederhana," katanya.

Firma itu berkata, sekiranya kelembapan pertumbuhan berterusan di China, aliran modal dan tekanan susut nilai mata wang akan berlaku pada skala global.

"Kesannya akan lebih membebankan ekonomi yang mempunyai hubungan yang lebih kukuh dengan China, kemampuan hutang yang lebih lemah dan pendedahan yang tinggi kepada pembiayaan asing, menjadikan mereka lebih terdedah kepada perubahan dalam keadaan kewangan global," katanya. -DagangNews.com

**© 2023 Astro AWANI Network Sdn. Bhd.**

**200001032668(535275-D) All Rights Reserved.**

Source: <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/negara-ada-hubungan-ekonomi-dengan-china-terjejas-jika-kelembapan-pertumbuhan-terus-berlaku-moodys-402413>